



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

ULAMA DAN UMARA PENYULUH UMAT

Tarikh Dibaca :

**18 JAMADIL AKHIR 1443H/
21 JANUARI 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



ULAMA DAN UMARA PENYULUH UMAT

18 JAMADIL AKHIR 1443H / 21 JANUARI 2022

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّبِّ الْعَظِيمِ :

﴿أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرْآنَ ءَامَنُوا وَاتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ كَذَّبُوا فَأَخْذَنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ۝

أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن سيدنا ونبينا محمدًا عبده ورسوله وصفيه وحبيبه من بعثه الله رحمة للعالمين هادياً ومبشراً ونذيراً بلغ الرسالة وأدى الأمانة ونصح الأمة وجاحد في الله حق جهاده بفراره الله عنا خير ما جزى نبياً من أنبيائه. اللهم صل وسل وبارك على سيدنا محمد خاتم الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين. أما بعد، فيا عباد الله اتقوا الله، او صيكم وایاکم بتقوى الله وطاعته لعلکم ترحمون.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita dinaungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk: “**Ulama Dan Umara Penyuluhan Umat**”.

Sebelum itu, saya ingin mengingatkan agar kita terus melakukan kawalan kendiri dengan sebaiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Saya juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam,

marilah sama-sama kita mengimarahkan masjid pada setiap waktu terutamanya seruan bersegera hadir ke masjid bagi menunaikan solat Jumaat, janganlah melengah-lengahkan kehadiran kita ke masjid dengan hanya melangkah ke masjid apabila hampir masuknya waktu solat.

Sebaliknya, gunakanlah peluang hadir awal ke masjid untuk meraih seberapa banyak mungkin fadilat Jumaat. Didik hati kita untuk merebut saf-saf hadapan terlebih dahulu berbanding duduk di saf-saf belakang. Hal ini merujuk kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ صُفُوفِ الرِّجَالِ أُوْلَئِنَاءِ، وَشَرُّهَا آخِرُهَا

Maksudnya: Sebaik-baik saf orang lelaki ialah saf yang terawal dan seburuk-buruk saf orang lelaki ialah yang paling belakang.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Ulama dan Umara; merupakan dua frasa yang amat sinonim dengan Islam. Mereka ialah dua insan yang sangat penting dalam sesuatu komuniti masyarakat. Kedua-dua golongan ini perlu bersatu dan bernaung di bawah naungan yang satu iaitu di bawah naungan agama atau "Ad-Din". Kedua-dua golongan ini juga merupakan pewaris kepada Nabi Muhammad SAW. Ulama' mewarisi ilmu daripada Nabi SAW, manakala umara' pula mewarisi kepimpinan daripada Nabi SAW. Ilmu dan politik tidak boleh dipisahkan sama sekali daripada Islam, begitu jugalah ulama dan umara. Merekalah 'ilmuan' dan 'pemimpin' bagi seluruh umat Islam.

Ulama dan umara disifatkan secara bersama sebagai faktor kebaikan ummah. Al-Imam al-Suyuthi meriwayatkan sebuah *athar* yang menyebutkan;

صِنْفَانِ مِنَ النَّاسِ إِذَا صَلَحَا صَلَحَ النَّاسُ ، وَإِذَا فَسَدَا فَسَدَ النَّاسُ : الْعُلَمَاءُ وَالْأُمَّارُ

Mafhumnya: "Ada dua golongan dalam kalangan manusia, apabila mereka baik maka seluruh manusia akan menjadi baik, apabila mereka rosak maka seluruh manusia akan menjadi rosak, iaitulah ulama dan umara".

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebagai agama yang berasaskan ilmu, Islam menghormati dan mengiktiraf peranan ulama kerana mereka adalah pembimbing umat mengenai Allah dan Rasul. Firman Allah SWT dalam Surah Faathir ayat 28:

وَمِنَ النَّاسِ وَالْدَّوَابُ وَالْأَنْعَمُ مُخْتَلِفٌ أَلَوْنُهُ وَكَذَلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ

اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ^{٢٨}

Maksudnya: “Dan demikian pula antara manusia, makhluk bergerak yang bernyawa, dan haiwan-haiwan ternakan, ada yang bermacam-macam warnanya dan jenisnya. Antara hamba Allah yang takut kepada-Nya, hanyalah para ulama (iaitu orang yang berilmu). Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun”.

Imam Ibnu 'Asyur ketika mentafsirkan ayat ini, menyatakan, seorang ulama yang mengenal Allah SWT dan memahami segala perbaasan syariah, bersifat takut pada Allah SWT. Dengan mengenali, memahami dan menguasai ilmu, insan yang bertaraf ulama, akan bersifat hamba yang sangat takut dengan dosa serta pembalasan azab; pada masa yang sama, insan yang bertaraf ulama, sangat mengharapkan pahala dan balasan nikmat dari Allah SWT.

Ulama merupakan golongan yang memikul amanah daripada Allah SWT untuk menyampaikan ilmu, mendidik serta membimbing umat manusia ke jalan yang benar. Tanpa ulama, manusia akan berterusan berada dalam keadaan jahil lagi sesat, dan akhirnya mereka akan bertindak dalam menguruskan kehidupan mereka mengikut kehendak hawa nafsu semata-mata.

Rasulullah SAW pernah menyifatkan para ulama seperti bintang-bintang di langit dengan sabdanya yang bermaksud : “Bandingan para ulama di dunia ini samalah seperti bintang-bintang di langit. Ia menjadi pedoman atau panduan dalam kegelapan di laut dan di darat. Jika bintang-bintang itu pudar atau hilang, maka mereka yang mengikutinya juga akan sesat”. (Hadis riwayat Imam Ahmad)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Umara atau pemerintah pula merupakan satu keperluan yang pasti bagi umat manusia. Tanpa umara, masyarakat akan menjadi kacau-bilau malah syariat tidak akan dapat ditegakkan serta dilaksanakan. Namun, tanggungjawab serta amanah yang dipikul oleh para umara atau pemimpin amatlah berat sekali dan akan dipersoalkan oleh Allah SWT di akhirat nanti.

Laksanakan tugas dengan jujur, tidak menyeleweng, tidak rasuah dan sentiasa takut kepada Allah SWT dalam apa jua situasi dan lokasi. Jadilah pemimpin, pekerja atau sesiapa sahaja yang diberi kuasa yang adil dan tidak khianat kepada tugas yang diberikan kepadanya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisaa' ayat 58:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعُدْلِ﴾

إِنَّ اللَّهَ نِعِمًا يَعِظُّكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٨﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”.

Dalam Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menjelaskan tentang perkara amanah berkenaan, bahawa amanah itu ialah sesuatu yang wajib dipelihara dengan sebaik-baiknya dan diserahkan kepada tuannya. Orang yang tidak menjaga amanah dan tidak menyampaikannya, menjadilah dia orang yang khianat.

SIDANG HADIRI SEKALIAN,

Minggu ini kita digemparkan dengan pendedahan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenai penipuan sijil vaksin oleh individu-individu tidak bertanggungjawab yang telah mengeluarkan sijil vaksinasi Covid-19 kepada pelanggan tanpa melalui proses suntikan vaksin. Dalam serbuan dibuat, lebih 2,000 pemalsuan sijil vaksinasi Covid-19 dikeluarkan kepada pelanggan termasuk dari Kuala Lumpur, Pahang, Kedah dan Johor dengan kadar

bayaran antara RM400 hingga RM600 seorang. Perbuatan seperti ini jelas melanggar undang-undang negara dan mengundang kemurkaan Allah SWT kerana perbuatan tidak amanah, menipu dan mendapat upah dari sumber yang haram.

Jadilah kita hamba yang jujur dan amanah serta mengelak diri daripada terlibat dengan perbuatan-perbuatan yang boleh memberi kerosakan kepada orang lain. Firman Allah SWT dalam Surah al-Anfal ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْانَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ^{٢٧}

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)”.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin merumuskan kepada tiga perkara utama iaitu;

Pertama: Islam mengiktiraf peranan ulama dan umara dalam pembangunan negara dan gabungan ini perlu dimanfaatkan untuk melaksanakan syariat Allah SWT serta memberi kemakmuran kepada rakyat.

Kedua: Ulama perlu memainkan peranan membawa manusia kembali kepada Allah SWT dan tegas dalam menegakkan yang makruf serta menghindar yang mungkar.

Ketiga: Jangan sesekali mengkhianati amanah, tidak jujur dan mengambil upah dari sumber dan cara yang salah kerana perbuatan ini dimurkai oleh Allah SWT.

Renungilah pesanan-pesanan ini wahai para ulama dan umara. Renungi dan amatilah petikan daripada kata-kata Hujjatul Islam, Imam al-Ghazali *rahimahullah* yang bermaksud;

“Sesungguhnya rakyat rosak disebabkan pemerintah (yang zalim) dan pemerintah pula rosak disebabkan ulama (yang jahat). Sementara ulama pula akan rosak jika mereka tamakkan harta dan pangkat. Maka sesiapa yang dikuasai oleh kecintaan kepada dunia, dia tidak akan mampu memberi nasihat walaupun kepada orang bawahan, apakah lagi kepada pemerintah dan pembesar”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى
النَّبِيِّ يَا يٰهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُّوْا عَلٰيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۝

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةً مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُعَثِّرُ مِنْهَا
مُولِيَا سُرِي قُدوَّكَ بِكِينِدا يُعَثِّرُ دُقْرُتوانِ اكْنُوْغُ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللّٰهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللّٰهِ شَاهِ بْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجَ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللّٰهِ.

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُعَثِّرُ مِنْهَا مُولِيَا سُرِي قُدوَّكَ بِكِينِدا رَاجِ فِرْمَاسِورِي اكْنُوْغُ، تُونِكُو
حَاجَهُ عَزِيزَهُ أَمِينَهُ مِيمُونَهُ إِسْكَنْدَرِيهِ بَنْتَ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلَ عَلٰى اللّٰهِ سُلْطَانَ
إِسْكَنْدَرَ الْحَاجَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزْرَاءَهُ وَقُضَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمِئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَادِنَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Hindarkanlah kami dari sebarang bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

فَإِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْتَّغْيِيْ يَعْظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.